

22 MAR 2003

PBRs-Iraq/I

PBRs SOKONG KUTUKAN DR MAHATHIR KE ATAS PENAKLUKAN IRAQ

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) menyokong bantahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke atas serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya terhadap Iraq tanpa mendapat mandat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Presiden PBRs Tan Sri Joseph Kurup berkata serangan itu merupakan tindakan agresif yang tidak sah.

Beliau berkata parti itu bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa ia merupakan perkara yang tidak bermoral apabila AS, Britain dan Sepanyol menghalalkan pembunuhan demi menegakkan dasar mereka.

"Kita bersetuju peperangan ini yang dimulakan terutamanya oleh AS dan Britain bukan merupakan peperangan antara Kristian dan Islam tetapi jelas Iraq dan sebuah negara Islam menjadi sasaran," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

"Semua masyarakat Kristian di Sabah menyokong penuh Perdana Menteri dalam isu ini," katanya.

Kurup berkata serangan itu tidak adil, tidak sah dan angkuh terutama apabila Iraq dilucutkan senjatanya manakala AS dan sekutunya pula menggunakan senjata pemusnah besar paling moden untuk menyerang Iraq.

"Kami dengan ini menyokong seruan Perdana Menteri kepada semua komponen parti Barisan Nasional dan pembangkang agar bersatu dalam meluluskan usul semasa persidangan Parlimen yang sedang berlangsung, untuk mengutuk tindakan agresif US dan sekutunya," kata beliau.

-- BERNAMA

MAS RV TS HM